

APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 13/2024

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin



**MAJLIS ANUGERAH: PROJEK
PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR (FSG671)
BAGI PUSAT PENGAJIAN KIMIA DAN
ALAM SEKITAR**

Ditulis oleh,

ChM. Dr. Nur Sofiah binti Abu Kassim

&

*PM Ts ChM Dr. Sheikh Ahmad Izaddin bin
Sheikh Mohd Ghazali*

Majlis anugerah bagi meraikan kejayaan pelajar AS222 yang telah bertungkus lumus dalam menyiapkan penyelidikan di dalam makmal, membentangkan projek penyelidikan seterusnya melengkapkan penulisan tesis bagi kod FSG671 (Projek Penyelidikan Tahun Akhir) telah diadakan pada 15 Februari 2024.

Majlis ini telah dihadiri oleh Koordinator Program dan para pensyarah Pusat Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar (PPKAS). Selain itu, majlis turut menjemput penolong pegawai sains kanan dan staf makmal yang menjadi tulang belakang dalam membantu pelajar sepanjang pelajar menjalankan kerja-kerja makmal. Seramai 39 orang pelajar tahun akhir daripada kumpulan AS2226A2 dan AS2227A1 telah hadir dalam majlis anugerah ini. Pelajar-pelajar ini telah memulakan kerja makmal seawal bulan September 2023 dan berada dalam makmal selama 14 minggu bagi menyiapkan projek penyelidikan mereka dibawah seliaan

penyelia utama dan bersama yang mempunyai pelbagai kepakaran. Antara bidang kepakaran yang disediakan adalah Kimia Organik, Kimia Tak Organik, Kimia Analisis dan Kimia Polimer/ Fizikal.

Setelah lengkap kerja-kerja penyelidikan di makmal, pelajar-pelajar ini telah membuat pembentangan lisan pada 6 Februari 2024 mengikut bidang masing-masing di hadapan panel yang terdiri daripada pensyarah kimia. Pembentangan berlangsung selama 10 minit dan diikuti dengan sesi soal jawab selama 20 minit.

Setelah selesai pembentangan lisan dan tesis lengkap telah dihantar maka berakhirnya perjalanan pelajar dalam projek penyelidikan tahun akhir mereka. Maka, majlis yang diadakan ini adalah simbolik kepada penutup perjalanan pelajar AS222 di kampus. Dalam majlis ini, Koordinator Program PPKAS dalam ucapannya telah menyelitkan nasihat dan panduan bagi pelajar-pelajar bagi persediaan mereka menghadapi latihan industri pada semester akan datang.



Gambar 1: Ucapan perasmian oleh Koordinator Program Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar (PPKAS)

Dalam majlis ini turut diraikan seorang pelajar antarabangsa dari Universitas Islam Indonesia yang menjalani program *International Internship* di UiTM Kampus Kuala Pilah. Saudara Muzakkir Fahmi dari pada *Department of Chemistry, Faculty of Mathematics and Natural Sciences*, Universitas Islam Indonesia yang menjalani *internship* di bawah penyeliaan Ts. Dr. Asiah Abdullah dan penyelia bersama Dr. Nurazira Mohd Nor.



Gambar 2: Majlis penyampaian cenderamata kepada saudara Muzakkir Fahmi dari Universitas Islam Indonesia

Majlis turut diserikan dengan persembahan dari pelajar-pelajar yang diraikan bagi menjadi kenangan buat mereka di masa hadapan. Agenda majlis yang ditunggu-tunggu adalah majlis penyampaian anugerah bagi pembentangan terbaik mengikut bidang dan pembentang terbaik secara keseluruhannya. Majlis penyampaian sijil telah dilakukan oleh penyelia utama masing-masing bagi meraikan kedua-dua pelajar dan penyelia mereka. Senarai nama pemenang bagi pembentang terbaik ialah Nurul Elesya Md Norizan (Kimia Tak Organik), Nurula'in Abdul Mahadi (Kimia Analisis), Irfan Nurhadi Azahar (Kimia

Fizikal/ Polimer) dan Muhammad Amirul Asyraf Azlan (Kimia Organik dan Pembentang Terbaik secara Keseluruhan).



Gambar 3: Pemenang pembentang terbaik bersama penyelaras FSG671.

Pada akhir program, sesi salam terakhir antara pensyarah pelajar telah dilakukan menjadi tradisi di PPKAS sebagai tanda menghormati guru. Menghormati guru sepertimana kita menghormati ibu bapa kerana guru umpama pengganti kedua orang tua kita ketika di sekolah ataupun di tempat-tempat menuntut ilmu. Ini kerana ilmu yang dituntut dengan adab yang dipelihara adalah ilmu yang di dalamnya penuh dengan keberkatan.

“Kalau ada sumur diladang, Boleh hamba menumpang mandi, kalau ada umur yang panjang, Boleh kita berjumpa lagi”



Gambar 4: Gambar kenangan pelajar - pelajar bersama para pensyarah Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar.